

Raja Muda Perlis Harap Kerjasama Malaysia - Uzbekistan Diperluas
Bernama
7 Mac, 2012
By Adnan Jahaya

TASHKENT (Uzbekistan), 7 Mac (Bernama) -- Raja Muda Perlis Tuanku Syed Faizuddin Putra Jamalullail berharap kerjasama di antara Uzbekistan dan Malaysia terus dipertingkatkan dan diperluaskan terutamanya dengan Perlis.

Baginda bertitah hubungan diplomatik Malaysia dan Uzbekistan yang genap berusia 20 tahun pada 21 Feb lepas harus diakrabkan lagi dengan pelbagai kerjasama.

Terdapat banyak bidang yang boleh diteroka termasuk perdagangan dan kebudayaan, titah baginda pada pelancaran promosi 'Masakan Rasa Perlis' di Restoran Ark Amir, di sini pada Selasa malam.

Tuanku Syed Faizuddin berada di sini sejak Ahad bagi mengetuai lawatan kerja Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Perlis. Sebelum itu, delegasi terbabit yang dalam rangka lawatan meninjau perkembangan agama Islam di rantau ini melawat Kazakhshtan selama dua hari bermula Jumaat.

Raja Muda Perlis itu turut berharap promosi masakan Perlis akan memperkenalkan negeri berkenaan kepada rakyat Uzbekistan dan pelancong asing yang melawat negara ini.

Promosi makanan itu akan berlangsung selama sebulan dan restran tersebut yang diusahakan rakyat tempatan menjadi tumpuan pelawat dari Malaysia kerana menawarkan makanan ala Malaysia yang halal seperti nasi goreng, bihun goreng, mi rebus serta kari ayam dan sambal belacan.

Tuanku Syed Faizuddin juga menyarankan kepada pelabur Uzbekistan agar meninjau peluang perniagaan di Perlis yang merekodkan pertumbuhan ekonomi yang baik daripada 5.4 peratus pada 2010 kepada 7.3 peratus pada tahun lepas.

Hadir sama pada majlis itu ialah Duta Besar Malaysia ke Uzbekistan Abdul Aziz Harun, Pengerusi Baitulmal Perlis Datuk Abu Bakar Ahmad dan Pemangku Rektor Institut Pengajian Tinggi Islam Perlis (IPTIPs) Datuk Alim Setia Ahmad Jusoh.

---BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=650428>